



**UCAPAN
PROF DATO' DR. MOHD FAKHRUDIN BIN ABDUL MUKTI
REKTOR UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM
MU'ADZAM SHAH (UniSHAMS)
DI BENGKEL "REFRESHER COURSE ON CLINICAL TEACHING"**

PADA : 05 MEI 2018



**UCAPAN DATO' REKTOR UniSHAMS DALAM BENGKEL
"REFRESHER COURSE ON CLINICAL TEACHING"
5 MEI 2018**

Assalamualaikum wbth.,

Yang Berbahagia Prof Dato' Dr Md. Tahir Bin Md. Azhar,
Penasihat Akademik Kulliyah Perubatan & Sains Kesihatan, UniSHAMS.

Yang Berbahagia Prof Dr Abdul Latiff Bin Mohamed,
Timbalan Presiden Hal Ehwal Pelajar & Alumni, CUCMS.

Yang Berbahagia Para Doktor Pakar
dari Hospital Sultanah Bahiyah, Hospital Sultan Abdul Halim, Hospital Kulim
dan Hospital Pulau Pinang.

Semua staf akademik dan pentadbiran Kulliyah Perubatan & Sains
Kesihatan UniSHAMS.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

1. Pertama sekali, saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya dapat kita hadir dalam Bengkel "Refresher Course on Clinical Medicine" yang dianjurkan oleh Kulliyah Perubatan dan Sains Kesihatan, UniSHAMS.
2. Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk memperbaharui kemahiran pensyarah-pensyarah UniSHAMS dan hospital Kementerian Kesihatan Malaysia untuk mempertajamkan klinikal mereka dalam pembelajaran dan

pengajaran dalam perubatan. Ia juga merupakan keperluan dalam proses Akreditasi MQA bagi program perubatan. Matlamat akhirnya adalah untuk meningkatkan kualiti pengajaran kepada pelajar-pelajar klinikal perubatan.

3. Saya bagi pihak universiti ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada para pensyarah dan pakar-pakar perunding daripada hospital-hospital yang hadir member kerjasama dengan pihak kami di sini.

4. Syukur Alhamdulillah, UniSHAMS telah mendapat pengiktirafan sebagai universiti penuh pada 8 Februari 2018 dan sebagai sebuah universiti yang berazam untuk menjadi satu universiti Islam global dengan berintegrasikan ilmu dan kebijaksanaan, kita sangat mengharapkan kerjasama dari semua pihak dalam konteks perubatan.

5. Kita menyedari keperluan untuk bekerja dengan "health care providers" yang berada di sekitar negeri Kedah ini. Kita menyedari kepentingan perkhidmatan tuan-tuan dan puan-puan terhadap pelajar perubatan.

6. Seandainya terdapat sebarang masalah, pihak kami memohon maaf dan akan cuba sedaya-upaya memperbaiki dan meningkatkan kerjasama dengan tuan-tuan dan puan-puan.

7. Kami juga menyedari bahawa tuan-tuan dan puan-puan berkhidmat atas dasar penuh keikhlasan tanpa mengira penat lelah dan wang ringgit semata-mata. Kami tahu niat tuan-tuan dan puan-puan untuk membangunkan negeri Kedah supaya standing dengan negeri-negeri lain yang telah maju dalam bidang perubatan dan kesihatan.


8. UniSHAMS juga mengucapkan terima kasih kepada para penceramah kita hari ini, Yang Berbahagia Prof Dato' Dr Md Tahir Bin Md Azhar dan Prof Dr Abdul Latiff Mohamed yang sudi hadir untuk menyampaikan ceramah pada hari ini.

9. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua staf Kulliyah Perubatan dan Sains Kesihatan yang telah banyak bertungkus-lumus bertugas bagi menjayakan bengkel ini.

10. Akhirk kata, saya berdoa agar bengkel ini berlangsung dengan jayanya dan semua yang hadir mendapat manfaat bersama untuk meningkatkan kemajuan dalam pengajaran dan pembelajaran pelajar perubatan UniSHAMS.

Sekian saya sudahi dengan Wabillahi taufik walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.

SEKIAN



Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah
 جامعة السلطان عبد الحليم معظّم شانه الإسلامية العالمية
 Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah International Islamic University

**TENTATIVE
 REFRESHER COURSE ON CLINICAL TEACHING IN UniSHAMS**

Date: 5th May 2018

Time: 8.30 am – 1.30 pm

Venue: Auditorium Hall (Level 2), Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar

5TH MAY 2018 (SATURDAY)

| DATE | TIME | ACTIVITY |
|----------------------------|--------------------|---|
| 5TH MAY 2018 (SATURDAY) | 8.30-9.00 AM | REGISTRATION & BREAKFAST |
| | 9.00 AM- 9.20 AM | <ul style="list-style-type: none"> WELCOMING SPEECH BY RECTOR BRIEFING ON UniSHAMS MBBS CURRICULUM & ROLE OF PART TIME LECTURER IN CLINICAL TEACHING DEAN: PROF. DR. MOHD. JAMIL BIN YAACOB |
| | 9.20 AM- 10.20 AM | CLINICAL TEACHING IN MEDICINE SPEAKER: PROF. DR. MD. TAHIR BIN MD. AZHAR (TAYLOR'S UNIVERSITY) |
| | 10.20 AM -10.30 AM | MORNING TEA |
| | 10.30 AM -11.30 AM | AFFECTIVE DOMAIN IN CLINICAL MEDICINE: CUCMS EXPERIENCE SPEAKER: PROF. DR. ABDUL LATIFF BIN MOHAMED (CUCMS) |
| | 11.30 AM- 12.30 PM | ASSESSMENT IN CLINICAL MEDICINE SPEAKER: PROF. DR. MD. TAHIR BIN MD. AZHAR (TAYLOR'S UNIVERSITY) |
| | 12.30 PM- 1.30 PM | QUESTION DEVELOPMENT IN CLINICAL MEDICINE SPEAKER: PROF. DR. MOHD. JAMIL BIN YAACOB (UniSHAMS) |
| | 1.30 PM | CLOSING CEREMONY, LUNCH AND ZUHR PRAYER |